



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

RABU, 20 SEPTEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

20/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>PROGRAM LATIHAN PENJAGA KANAK-KANAK, WARGA EMAS AKAN DIWUJUDKAN TAHUN DEPAN - NANCY</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1154657/program-latihan-penjaga-kanak-kanak-warga-emas-akan-diwujudkan-tahun">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1154657/program-latihan-penjaga-kanak-kanak-warga-emas-akan-diwujudkan-tahun</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/71226-kpwkm-rancang-wujud-kursus-penjaga-kanak-kanak-warga-emas">https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/71226-kpwkm-rancang-wujud-kursus-penjaga-kanak-kanak-warga-emas</a>	BERITA.RTM.GOV.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kursus-penjagaan-kanakkanak-orang-tua-bermula-awal-tahun-depan-438026">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kursus-penjagaan-kanakkanak-orang-tua-bermula-awal-tahun-depan-438026</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=N177Cl-oNM">https://www.youtube.com/watch?v=N177Cl-oNM</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2226910">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2226910</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://tvstv.my/2023/09/19/kpwkm-rancang-wujud-program-latihan-penjaga-kanak-kanak-warga-emas-nancy/">https://tvstv.my/2023/09/19/kpwkm-rancang-wujud-program-latihan-penjaga-kanak-kanak-warga-emas-nancy/</a>	TVSTV.MY
	<a href="https://www.sinardaily.my/article/208376/malaysia/nasional/kpwkm-plans-to-establish-child-senior-care-training-programmes---nancy">https://www.sinardaily.my/article/208376/malaysia/nasional/kpwkm-plans-to-establish-child-senior-care-training-programmes---nancy</a>	SINARDAILY.MY
	<a href="https://www.theborneopost.com/2023/09/19/nancy-shukri-ministry-plans-to-establish-child-senior-care-training-programmes/">https://www.theborneopost.com/2023/09/19/nancy-shukri-ministry-plans-to-establish-child-senior-care-training-programmes/</a>	THEBORNEOPOST.COM
	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/09/19/nancy-shukri-ministry-plans-to-establish-child-senior-care-training-programmes/91718">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/09/19/nancy-shukri-ministry-plans-to-establish-child-senior-care-training-programmes/91718</a>	MALAYMAIL.COM
	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2023/09/957131/nancy-new-child-development-dept-now-under-ministrys-social-welfare">https://www.nst.com.my/news/nation/2023/09/957131/nancy-new-child-development-dept-now-under-ministrys-social-welfare</a>	NST.COM.MY
	<a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2226932">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2226932</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.themalaysianinsight.com/s/462852">https://www.themalaysianinsight.com/s/462852</a>	THEMALAYSIANINSIGHT.COM
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/279763/berita/nasional/kursus-penjagaan-kanak-kanak-orang-tua-bermula-awal-tahun-depan">https://www.sinarharian.com.my/article/279763/berita/nasional/kursus-penjagaan-kanak-kanak-orang-tua-bermula-awal-tahun-depan</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/09/19/mgnews-latihan-khas-untuk-jagaan-warga-emas-dan-kanak-kanak-mulai-tahun-depan/">https://malaysiagazette.com/2023/09/19/mgnews-latihan-khas-untuk-jagaan-warga-emas-dan-kanak-kanak-mulai-tahun-depan/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1011221/program-latihan-kepada-individu-berminat-bidang-penjagaan-kanak-kanak-oku">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1011221/program-latihan-kepada-individu-berminat-bidang-penjagaan-kanak-kanak-oku</a>	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



UKK KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

20/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>KPWKM CAKNA HAK KANAK-KANAK</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1011175/kpwkm-cakna-hak-kanak-kanak">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1011175/kpwkm-cakna-hak-kanak-kanak</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>BABY-SNATCHING CLAIMS UNDER HEALTH MINISTRY'S PURVIEW, SAYS NANCY</b>	
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/09/19/baby-snatching-claims-under-health-ministrys-purview-says-nancy/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/09/19/baby-snatching-claims-under-health-ministrys-purview-says-nancy/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>CHILD DEVELOPMENT DEPT TO BE FULLY INDEPENDENT BY 2026, SAYS NANCY</b>	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=91XgYYcEAOW">https://www.youtube.com/watch?v=91XgYYcEAOW</a>	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>333 ABUSE, CHILD NEGLECT CASES IN SABAH</b>	
	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/220144/333-abuse-child-neglect-cases-in-sabah/">https://www.dailyexpress.com.my/news/220144/333-abuse-child-neglect-cases-in-sabah/</a>	DAILYEXPRESS.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>KUATNYA SEMANGATMU QASEH...</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1011213/kuatnya-semangatmu-qaseh">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1011213/kuatnya-semangatmu-qaseh</a>	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

20/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
7	<b>#SHOWBIZ: ZAITON SAMEON FINALLY GETS HELP FROM SOCIAL WELFARE DEPARTMENT</b>	
	<a href="https://www.nst.com.my/lifestyle/groove/2023/09/956993/showbiz-zaiton-sameon-finally-gets-help-social-welfare-department">https://www.nst.com.my/lifestyle/groove/2023/09/956993/showbiz-zaiton-sameon-finally-gets-help-social-welfare-department</a>	NST.COM.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/hiburan/selebri/2023/09/1154698/zaiton-terharu-terima-sumbangan-perdana-menteri">https://www.bharian.com.my/hiburan/selebri/2023/09/1154698/zaiton-terharu-terima-sumbangan-perdana-menteri</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/rap/2023/09/1011341/saya-malu-nak-minta-tapi-kalau-terus-diam-zaiton-sameon">https://www.hmetro.com.my/rap/2023/09/1011341/saya-malu-nak-minta-tapi-kalau-terus-diam-zaiton-sameon</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	<b>9 TAHUN BERKURUNG, TERLANTAR DALAM BILIK</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1011231/9-tahun-berkurung-terlantar-dalam-bilik">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1011231/9-tahun-berkurung-terlantar-dalam-bilik</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	<b>500,000 WANITA DISASAR CARUM BAWAH SKIM KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH</b>	
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/71189-500-000-wanita-disasar-carum-bawah-skim-keselamatan-sosial-suri-rumah">https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/71189-500-000-wanita-disasar-carum-bawah-skim-keselamatan-sosial-suri-rumah</a>	BERITA.RTM.GOV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	<b>BANJIR KILAT RAUB, 28 PENDUDUK DIPINDAHKAN KE PPS</b>	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-kilat-raub-28-penduduk-dipindahkan-ke-pps-437979">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-kilat-raub-28-penduduk-dipindahkan-ke-pps-437979</a>	ASTROAWANI.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

f t i kpwkm

20/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
11	PELAJAR OKU PERLUKAN KAKI PALSU GANTI BAHARU	
	<a href="https://harakahdaily.net/index.php/2023/09/19/pelajar-oku-perlukan-kaki-palsu-ganti-baharu/">https://harakahdaily.net/index.php/2023/09/19/pelajar-oku-perlukan-kaki-palsu-ganti-baharu/</a>	HARAKAHDAILY.NET

BIL	PERKARA	SUMBER
12	MANGSA KEBAKARAN RUMAH KEDAI PEKAN KOTA KUALA MUDA TERIMA BANTUAN	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/09/19/mangsa-kebakaran-rumah-kedai-pekan-kota-kuala-muda-terima-bantuan/">https://www.kosmo.com.my/2023/09/19/mangsa-kebakaran-rumah-kedai-pekan-kota-kuala-muda-terima-bantuan/</a>	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	KRIKET WANITA KEJUTKAN HONG KONG, MARA KE SUKU AKHIR SUKAN ASIA	
	<a href="https://www.utusan.com.my/sukan/2023/09/kriket-wanita-kejutkan-hong-kong-mara-ke-suku-akhir-sukan-asia/">https://www.utusan.com.my/sukan/2023/09/kriket-wanita-kejutkan-hong-kong-mara-ke-suku-akhir-sukan-asia/</a>	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	WANITA LUMPUH TINGGAL DI PONDOK BERDINDING PLASTIK	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1011262/wanita-lumpuh-tinggal-di-pondok-berdinding-plastik">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1011262/wanita-lumpuh-tinggal-di-pondok-berdinding-plastik</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=mA_j_w6DzXg">https://www.youtube.com/watch?v=mA_j_w6DzXg</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/279759/edisi/utara/suami-isteri-tinggal-dalam-pondok-usang-bakal-di-ami-rumah-baharu">https://www.sinarharian.com.my/article/279759/edisi/utara/suami-isteri-tinggal-dalam-pondok-usang-bakal-di-ami-rumah-baharu</a>	SINARHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



UKK KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

20/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
15	<b>PENSYARAH WANITA ANTARA TIGA DITAHAN DISYAKI KEMUKA TUNTUTAN PALSU</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1011179/pensyarah-wanita-antara-tiga-ditahan-disyaki-kemuka-tuntutan-palsu">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1011179/pensyarah-wanita-antara-tiga-ditahan-disyaki-kemuka-tuntutan-palsu</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/09/tuntutan-palsu-pensyarah-wanita-antara-tiga-ditahan/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/09/tuntutan-palsu-pensyarah-wanita-antara-tiga-ditahan/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/09/1154530/pensyarah-wanita-antara-tiga-ditahan-buat-tuntutan-palsu">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/09/1154530/pensyarah-wanita-antara-tiga-ditahan-buat-tuntutan-palsu</a>	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	<b>SPX PERKASAKAN WANITA, MAHU MENUTUP JURANG JANTINA</b>	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/279746/berita/nasional/spx-perkasakan-wanita-mahu-menutup-jurang-jantina">https://www.sinarharian.com.my/article/279746/berita/nasional/spx-perkasakan-wanita-mahu-menutup-jurang-jantina</a>	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
17	<b>BUSANA KANAK-KANAK SEMARAKKAN HARI MALAYSIA</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/09/19/busana-kanak-kanak-semarakkan-hari-malaysia/">https://www.kosmo.com.my/2023/09/19/busana-kanak-kanak-semarakkan-hari-malaysia/</a>	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
18	<b>SEJAM KAKI KANAN TERSANGKUT DALAM LUBANG TANDAS</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/09/1154435/sejam-kaki-kanan-tersangkut-dalam-lubang-tandas">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/09/1154435/sejam-kaki-kanan-tersangkut-dalam-lubang-tandas</a>	BHARIAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

f t i kpwkm

20/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
19	<b>DERA ANAK: REMAN BAPA KANDUNG, IBU TIRI DISAMBUNG TUJUH HARI</b>	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/279812/berita/semasa/dera-anak-reman-bapa-kandung-ibu-tiri-disambung-tujuh-hari">https://www.sinarharian.com.my/article/279812/berita/semasa/dera-anak-reman-bapa-kandung-ibu-tiri-disambung-tujuh-hari</a>	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
20	<b>DAKWAAN BAYI DIRAMPAS: KKM BUAT SIASATAN - DR ZALIHA</b>	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dakwaan-bayi-dirampas-kkm-buat-siasatan-dr-zaliha-438022">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dakwaan-bayi-dirampas-kkm-buat-siasatan-dr-zaliha-438022</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1154633/kkm-sedia-siasat-dakwaan-bayi-dirampas">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1154633/kkm-sedia-siasat-dakwaan-bayi-dirampas</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/279770/berita/nasional/dakwaan-bayi-dirampas-kkm-buat-siasatan---dr-zaliha">https://www.sinarharian.com.my/article/279770/berita/nasional/dakwaan-bayi-dirampas-kkm-buat-siasatan---dr-zaliha</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/679790">https://www.malaysiakini.com/news/679790</a>	MALAYSIAKINI.COM
	<a href="https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/09/19/kkm-siasat-dakwaan-bayi-dirampas-di-sabah-kata-zaliha/">https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/09/19/kkm-siasat-dakwaan-bayi-dirampas-di-sabah-kata-zaliha/</a>	FREEMALYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1011308/kkm-siasat-kes-bayi-dirampas-di-hospital">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1011308/kkm-siasat-kes-bayi-dirampas-di-hospital</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=hUCnB7k0Lnk">https://www.youtube.com/watch?v=hUCnB7k0Lnk</a>	YOUTUBE



TAJUK : KKM SIASAT DAKWAAN 'BAYI DIRAMPAS'

HARI : RABU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 20 SEPT 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

# KKM siasat dakwaan 'bayi dirampas'

Kementerian Kesihatan akan menjalankan siasatan menyeluruh berhubung dakwaan 'bayi dirampas' susulan ibunya yang tidak memiliki status kerakyatan di sebuah hospital di Sabah.

Menterinya, Dr Zaliha Mustafa, tidak menolak kemungkinan melakukan pertemuan dengan petugas di hospital terbabit untuk mendapatkan maklumat lanjut, selain menunggu hasil siasatan polis.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Sekijang berkata, pertemuan secara bersemuka berke-

naan juga bertujuan mendapatkan maklumat lanjut bagi penambahbaikan sebarang prosedur berkaitan.

"Saya bersetuju, perkara seperti ini tidak sepatutnya berlaku, terutama di hospital kerajaan. Dasar *no wrong door policy* perlu dilaksanakan sebaiknya.

"Bagi kes seperti ini, saya setuju untuk membuat penelitian, selain perlu menunggu hasil siasatan polis.

"Kita perlu ada empati untuk melaksanakan tugas yang berkaitan penyampaian perkhidma-

tan kesihatan," katanya ketika menggulung perbahasan usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 di Dewan Rakyat, semalam.

## Telus siasat dakwaan


Terdahulu, Dr Kelvin Yii Lee Wuen (PH-Bandar Kuching) mempersoalkan keperluan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) atau siasatan luaran dibuat bagi menyiasat dakwaan terbabit.

"Saya tahu pihak hospital sudah membuat laporan polis, me-

nafikan dakwaan terbabit. Namun, untuk meningkatkan kepercayaan dan keyakinan rakyat, apakah pandangan kementerian?"

"Adakah wujud keperluan untuk (penubuhan) RCI atau 'external investigation' supaya (pengurusan kes terbabit) lebih telus?" katanya.

Sabtu lalu, Jabatan Sabah dilapor membuat laporan polis bagi menafikan dakwaan kononnya berlaku kes 'merampas bayi' di hospital di negeri itu seperti dilaporkan portal media.



TAJUK : 'BUKAN MEREKA BAGI SAYA MAKAN'

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 20 SEPT 2023

M/SURAT : 02

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM



## LEPASAN DIPLOMA JADI PEMBANTU RUMAH

# 'Bukan mereka bagi saya makan'

**S**ebut mengenai pembantu rumah, pasti sinonim dengan wanita warga Indonesia dan negara jiran lain.

Buktinya ramai majikan di negara ini yang mengajikan pembantu rumah warga asing.

Hakikatnya ada juga warga tempatan yang mencari rezeki sebagai pembantu rumah meskipun memiliki kelulusan akademik.

Malah segelintir majikan kini lebih gemar memilih mereka berbanding warga asing bagi mengelak proses rumit.

Ikuti laporan wartawan Redzuan Muharam berhubung isu ini.

**Ipoh**

**"M**emang ada segelintir rakan dan ahli keluarga yang pandang rendah, tetapi saya tidak ambil pusing kerana bukan mereka beri saya makan sebaliknya saya kena tanggung diri sendiri," kata Rozita Amad Mazlan.

Rozita, 28, memiliki diploma dalam pengajian Sains Komputer lulusan sebuah universiti tempatan namun memilih menjadi pembantu rumah sepenuh masa sejak enam bulan lalu.

Bukan mahu mensiasikan kelulusan yang ada na-

mun kesukaran mencari pekerjaan menyebabkan dia memilih menjadi pembantu rumah walaupun ada segelintir individu di sekelilingnya mempertikaikan keputusannya itu.

"Selepas tamat belajar, saya bekerja dan bantu uruskan kebun ayah.

"Puas sudah saya cuba dan berusaha mencari pekerjaan, namun belum jumpa yang sesuai.

"Memandangkan harga barang meningkat dan sangat perlukan duit untuk bantu ayah, maka saya cuba nasib dengan menjadi pembantu rumah selepas terlihat iklan di laman sosial," katanya ketika dihu-



*Majikan juga sangat prihatin dengan kebajikan saya "*

Rozita

bung, baru-baru ini.

Meskipun tiada pengalaman, Rozita berkata, dia tidak kekok untuk bekerja kerana sudah diberi latihan di akademi agensi pembantu rumah.

"Latihan itu sedikit sebanyak dapat mempersiapkan diri saya sebelum bekerja dengan majikan.

"Setakat ini, kerja berjalan lancar dan saya seronok serta bersyukur kerana dapat layanan baik daripada majikan.

"Majikan juga sangat prihatin dengan kebajikan saya malah sediakan keperluan asas termasuk tempat tidur selesa dan juga makan serta minum, jadi ji-

mat duit saya kerana tidak perlu berbelanja.

"Keseronokan bekerja membuatkan saya sudah menganggap majikan seperti keluarga sendiri," katanya.

Soal gaji pula, Rozita mengaku pendapatan diterima agak lumayan bagi dirinya yang tiada pengalaman dan berbaloi dengan kerja dilakukannya.

Hasil pendapatan itu, Rozita berpeluang membeli kelengkapan berjenama yang diidamkan selama ini.

"Cuma cabaran tetap ada, salah satunya perlu menguruskan dan melayan karenah serta ragam budak

yang agak aktif.

"Tugas itu menuntut kesabaran tinggi namun saya tidak anggap ia sebagai masalah besar kerana masih boleh dikawal.

"Sebagai rakyat Malaysia, saya berpendapat pekerjaan sebagai pembantu rumah sangat sesuai untuk mereka yang hendakkan kerja halal dan gaji tetap tanpa kelayakan akademik tetapi dapat pendapatan seperti ada kelulusan tinggi.

"Harapan saya agar dapat terus bekerja sehingga cukup kumpul duit dan pengalaman untuk bantu keluarga sementara dapatkan pekerjaan lain," katanya.



TAJUK : 'FIRASAT' DOKTOR MELESET

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 20 SEPT 2023

M/SURAT : 24

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM



SUNIRA Musaraini tekad menjaga anak bongsunya, Qaseh Nurhawa dengan sebaik mungkin.

Oleh Nazdy Harun  
am@hmetro.com.my

Kuala Berang

**W**alaupun hanya diberi harapan mampu hidup untuk tempoh tiga hari selepas dilahirkan, perancangan Allah SWT amat hebat apabila bayi perempuan ini masih dapat meneruskan kehidupan. Sunira Musaraini Mustaffa, 42, dari Kampung Bukit Kolam, di sini, berkata anak bongsunya Qaseh Nurhawa Zaifulnizam, 16 bulan, yang dilahirkan dengan pelbagai komplikasi penyakit pada awalnya tidak diberikan harapan.

Menurutnya, sepanjang 13 hari dirawat di Unit Rawatan Rapi Kanak-kanak (NICU), selepas dilahirkan, Qaseh menunjukkan tanda-tanda positif apabila mampu bertahan.

Katanya, dirinya yang mengalami komplikasi kesihatan selepas melahirkan Qaseh turut dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) selain menjalani hemodialisis akibat kegagalan buah pinggang ketika itu.

"Anak saya pula didiagnos menghidap pelbagai penyakit dan turut ditempatkan di NICU, dengan harapan untuk hidup amat tipis dan pakar perubatan hanya menjangkakan Qaseh hanya mampu bertahan selama tiga hari.

"Saya pula ketika itu dimasukkan ke wad akibat sawan dan masalah buah pinggang sempat meminta bantuan ayah, Mustafa Ngah, 78, dan suami Zaifulnizam Ismail, 42, untuk menyiapkan

# 'FIRASAT' DOKTOR MELESET

## Bayi dijangka mampu hidup 3 hari sejak lahir akibat pelbagai komplikasi ceria teruskan hidup

liang lahad bagi proses pembedahan sekiranya berlaku sebarang kemungkinan ke atas Qaseh.

"Namun, ajal maut sudah diatur sempurna oleh Allah SWT, dan dengan doa berterusan akhirnya Qaseh dibenarkan pulang selepas bertarung nyawa selama 13 hari di NICU," katanya yang ada tiga lagi cahaya mata berusia 19, 17 dan 13 tahun.

Menurutnya, dia amat memuji tahap profesional doktor dan kakitangan Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), di sini, yang bertungkus-lumus dalam memberi khidmat kesihatan terbaik bagi memastikan Qaseh dapat pulang ke pangkuan keluarga.

Katanya, HSNZ diibaratkan sebagai rumah keduanya kerana Qaseh akan dibawa untuk berjumpa dengan pakar pada setiap minggu.

"Setiap minggu Qaseh perlu menemui pakar kanak-kanak, telinga, mata dan hidung,

pakar tulang, otak, plastik, bedah, sakit puan, perut, diet, menjalani sesi fisioterapi dan beberapa pakar perubatan lain di hospital itu.

"Selepas 26 hari dilahirkan, pihak hospital membenarkan Qaseh dibawa pulang dan walaupun mempunyai pelbagai komplikasi penyakit, namun Qaseh mampu bertahan.

"Alhamdulillah, kini usia Qaseh sudah menjangkau setahun empat bulan dan saya akan menjaganya sebaik mungkin anak istimewa ini," katanya.

Katanya, Qaseh bergantung kepada susu khas dan turut mendapat bantuan bulanan RM500 daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan bantuan sekali bayar dalam setahun daripada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (Maidam).

"Saya juga aktif memuat naik kandungan dan membuat siaran langsung di TikTok untuk anak istimewa ini bagi berkongsi pengalaman suka mahupun duka sepanjang menjaga Qaseh," katanya.

Qaseh perlu minum susu khas, dapat bantuan JKM RM500 sebulan



TAJUK : DERITA SEJAM KAKI TERSANGKUT DALAM LUBANG TANDAS

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 20 SEPT 2023

M/SURAT : 22

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## *Derita sejam kaki tersangkut dalam lubang tandas*

**Kajang:** Budak lelaki terpaksa menanggung derita kira-kira sejam apabila kaki kanannya tersangkut dalam lubang tandas rumahnya di Balakong di sini, malam kelmarin.

Kejadian dilaporkan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor pada 8.36 malam.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi JBPM Selangor, Ahmad Mukhlis Mukhtar berkata, sebuah jentera dengan kekuatan li-

ma pegawai dan anggota segera ke lokasi sejourus menerima panggilan itu.

"Kejadian membabitkan kanak-kanak lelaki berusia sembilan tahun yang kaki kanannya tersangkut dalam lubang tandas.

"Kerja mengeluarkan kaki kanak-kanak terbabit dilakukan oleh anggota dan berjaya dikeluarkan pada 9.11 malam," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, mangsa diserahkan kepada keluarga untuk tindakan lanjut.



ANGGOTA bomba mengeluarkan kaki mangsa yang tersangkut dalam lubang tandas rumahnya di Balakong, Kajang. - Gambar ihsan bomba



TAJUK : DUA SESAK NAFAS TERHIDU GAS AMMONIA

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 20 SEPT 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## *Dua sesak nafas terhidu gas ammonia*

**Ipoh:** Dua individu, masing-masing seorang lelaki dan wanita, sesak nafas susulan insiden kebocoran gas ammonia di sebuah kilang ais di Persiaran Industri Rapat, Simpang Pulai di sini, awal pagi semalam.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak Sabarodzi Nor Ahmad berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan jam

5.11 pagi, yang memaklumkan insiden kebocoran paip gas bahan kimia jenis 'Ammonia UN WO5' (400PPM) itu.

Menurutnya, 23 anggota Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Simpang Pulai dibantu oleh BBP Pasir Puteh dikerah ke lokasi.

"Mangsa lelaki yang berusia 25 tahun dan wanita, berumur 33 tahun, kini dilaporkan stabil. Mereka dirawat di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB).

"Kedua-dua mangsa terbabit bukan pekerja kilang ais itu, sebaliknya ketika kejadian, mereka berada di kilang bersebelahan.

"Insiden dapat dikawal jam 10 pagi tadi (semalam). Pemantauan masih dijalankan bagi memastikan tiada lagi risiko di lokasi itu," katanya pada kenyataan.

Menurut beliau, penyelia kilang melaporkan, paip saluran gas ammonia bocor dan bau gas ammonia

yang bocor itu dapat dirasakan dalam jarak antara 30 hingga 90 meter.

"Pasukan Khas Bahan Kimia Berbahaya (Hazmat) dari BBP Pasir Puteh membuat kerja menutup kebocoran yang dikenal pasti di bahagian injap tangki seterusnya mengambil bacaan (kebocoran) selanjutnya di zon kawasan itu, selain mengenal pasti kebocoran yang masih terdapat pada tangki terbabit," katanya.



TAJUK : INISIATIF KHUSUS TINGKAT KEMAHIRAN PENJAGA

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 20 SEPT 2023

M/SURAT : 13

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

**Kuala Lumpur:** Program latihan khusus akan diwujudkan kepada individu yang berminat menjadikan bidang penjagaan kanak-kanak, golongan berkeperluan khas dan orang kurang upaya (OKU) sebagai kerjaya.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Datuk Seri Nancy Shukri berkata, pihaknya menyasarkan memulakan program latihan itu melalui Institut Sosial Malaysia seawal tahun depan selepas pembentangan Belanjawan 2024.

Katanya, inisiatif itu salah satu usaha memastikan Malaysia dapat meningkatkan kemahiran penjaga golongan berkeperluan khas dengan perkembangan industri terbaharu.

"Kita mahu siapa yang menjadi penjaga kepada kanak-kanak atau sesiapa saja golongan memerlukan bantuan, maka me-

## LATIHAN PENJAGAAN KANAK-KANAK, OKU

### *Inisiatif khusus tingkat kemahiran penjaga*

reka ini diberikan latihan khusus.

"Sekarang kita ada latihan kursus KAP (Kursus Asuhan Permata), tetapi itu di bawah kita saja, jadi kita sudah minta peruntukan supaya dapat berikan latihan kepada mereka yang mahukan pekerjaan seperti ini.

"Jadi, insya-Allah kita akan lambakkan (tingkatkan penyertaan) orang yang berminat menjaga kanak-kanak atau orang tua supaya tiada lagi masalah susah dapatkan orang untuk menjadi penjaga kepada mereka yang memerlukan bantuan," katanya selepas taklimat media mengenai penubuhan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak (JPKK) dan isu perlindungan kanak-kanak secara am di Bangunan Parlimen di si-

ni, semalam.

Mengulas lanjut, Nancy berkata, kementerian berharap dengan penubuhan JPKK akan dapat menangani isu perlindungan dan kebajikan kanak-kanak dengan lebih cepat, cekap dan proaktif.

"Dengan penambahan 965 jawatan kontrak, kita jangkakan pada 2026 dengan nisbah Pelindung dan Pegawai Akhlak yang mengendalikan kes kanak-kanak daripada satu nisbah 108 menurun kepada seorang pegawai mengendalikan 30 kes kanak-kanak (satu nisbah 30) setahun.

"Beban kes pegawai akan dapat dikurangkan dan mereka dapat menumpukan masa bagi memantapkan lagi pengurusan kes terhadap kanak-kanak termasuk ele-

men intervensi, pemantauan dan penilaian kes serta melaksanakan program pencegahan dan advokasi mengenai perlindungan dan keselamatan kanak-kanak.

"Dengan penambahan jawatan dan peningkatan kompetensi, pegawai kes akan dapat memperkasakan lagi usaha menggerakkan komuniti melalui kolaboratif strategik

dengan Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak dan Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak serta pembantu pelindung di semua 105 daerah yang dilantik di ba-


wah Akta Kanak-Kanak 2001 dalam memberi perlindungan dan memastikan keselamatan kanak-kanak terjamin," katanya.

Berkuat kuasa 1 September lalu, JPKK ditubuhkan bagi menggantikan Bahagian Kanak-Kanak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Penubuhannya diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam pembentangan Belanjawan 2023 pada Februari lalu sebagai solusi terbaik dalam menangani segera isu pengabaian dan penderaan kanak-kanak yang semakin meruncing.

“  
Kita sudah minta peruntukan supaya dapat berikan latihan  
Nancy





TAJUK : JADI PEMBANTU RUMAH SEBAB NAK UBAH NASIB KELUARGA

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 20 SEPT 2023

M/SURAT : 02

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM



“  
Minggu pertama  
bekerja, saya  
agak malu dan  
kekok juga  
Faridah

## Jadi pembantu rumah sebab nak ubah nasib keluarga

**Kluang:** Demi mencari rezeki bagi menyara tiga anak, wanita dikenali sebagai Faridah yang berstatus ibu tunggal sanggup bekerja sebagai pembantu rumah sepenuh masa.

Faridah, 27, sebelum ini mencari rezeki sebagai tukang jahit, namun pendapatan yang rendah dan tidak menentu mendorongnya menjadi pembantu rumah.

Menurutnya, anak yang masih kecil menjadi pendorongnya untuk bekerja sebagai pembantu rumah kerana melihat ia sebagai peluang mengubah nasib keluarga.

“Waktu jadi tukang jahit, tempahan diterima memang tidak menentu, kadangkala tiada langsung dan berikutan harga barang semakin naik, saya terpaksa cari kerja lain yang lebih sesuai untuk sara keluarga.

“Lagipun, anak saya masih kecil, baru berumur dua, empat dan enam tahun, jadi saya perlu cari duit lebih untuk membesarkan mereka.

“Ikutkan sudah banyak tempat saya pergi untuk mohon kerja tetapi kebanyakannya mahu kakitangan yang ada kelulusan akademik dan saya sedar diri.

“Jadi, saya terima saja peluang kerja sebagai pem-

bantu rumah,” katanya ketika dihubungi, baru-baru ini.

Bercerita lanjut, Faridah berkata, pada awalnya dia agak kekok dan kepenatan kerana perlu menguruskan banyak hal di rumah majikan.

“Minggu pertama bekerja, saya agak malu dan kekok juga kerana perlu ke rumah serta uruskan rumah yang besar.

“Bagaimanapun majikan saya dengan baik malah beri akses Internet, jadi dapatlah saya berhubung dan membuat panggilan video dengan anak.

“Keseronokan saya adalah waktu gaji yang pertama kerana dapat belikan mainan untuk anak dan li-

hatnya main dengan seronok,” katanya.

Meskipun begitu, cabaran Faridah adalah tidak dapat membawa anak bersama ketika bekerja.


“Tetapi saya faham kerana jika anak ada bersama, kemungkinan akan susah majikan dan saya ketika bekerja.

“Mujurlah abah ada bantu jaga anak di kampung ketika saya bekerja.

“Jadi, saya bersyukur dan untuk orang di luar sana, jangan takut untuk cari peluang kerja bagi tingkatkan diri kerana rezeki tidak salah alamat.

“Jika satu pekerjaan itu kita tidak dapat, mesti ada pekerjaan lain yang sesuai,” katanya.

Jauh di sudut hati, Faridah berharap dapat berkhidmat dengan majikannya sekurang-kurangnya sehingga tamat kontrak atau dapat pasangan baru.



TAJUK : MASIH KURANG RM10K UNTUK BEDAH DI IJN

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 20 SEPT 2023

M/SURAT : 25

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Masih kurang RM10k untuk bedah di IJN

**Muar:** "Mana kami nak cari baki RM10,000 sedangkan anak perlu jalani pembedahan jantung berlubang Ahad ini," rintih Eddy Herwan Bohari, 47, bapa kepada Raidahatul Aisyah, 6, yang menghidap jantung berlubang sejak lahir.

Raidahatul Aisyah perlu menjalani pembedahan di Institut Jantung Negara (IJN) selepas pemeriksaan mendapati, terdapat lubang pada jantung berdekatan injap yang boleh mengancam nyawanya.

Menurut Eddy, anak bongsu daripada tujuh beradik itu menghidap penyakit berkenaan sejak lahir apabila terdapat dua lubang pada jantungnya, namun satu daripadanya tertutup sendiri ketika dia membesar.

Dia yang menetap di Kampung Parit Kassim dekat Gambir berkata, ketika ini, satu lubang masih kekal yang mana ia berada bersebelahan injap.

"Berdasarkan surat daripada IJN, Raidahatul Aisyah akan dimasukkan ke wad pada Jumaat ini untuk persiapan proses pembedahan. Ketika ini, kami masih kekurangan dana untuk me-



RAIDAHATUL Aisyah ketika menerima rawatan di Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar pada Julai lalu.

nampung kos pembedahan.

"Kos pembedahan keseluruhan ialah RM45,000 namun kami mendapat subsidi daripada kerajaan sebanyak RM30,000. Baitulmal sumbang RM4,800 dan kami masih kekurangan RM10,000," katanya.

Orang ramai yang ingin membantu boleh menyalurkan sumbangan menerusi akaun **Maybank di 151089504842** atau **Bank**

**Simpanan Nasional di 0115929000015356** atas nama Eddy Herwan Bohari.

Menurut Eddy, doktor memberitahu, Raidahatul Aisyah perlu menjalani pembedahan segera kerana injapnya akan 'tersedut' dan rosak jika dilengahkan.

Katanya lagi, dengan hari pembedahan semakin hampir, dia dan isteri, Saimah Sobari, 43, bingung memikirkan bagaimana mahu

mendapatkan baki wang diperlukan untuk pembedahan itu.


"Kami diberitahu, penyakit dialami Raidahatul Aisyah jarang berlaku dan hanya boleh terjadi ke atas dua atau tiga orang daripada 100 penduduk.

"Itupun selepas ujian imbasan di Hospital Sultanah Aminah (HSA) Johor Bahru pada Julai lalu, dan doktor meminta kami segera melakukan pembedahan. Kalau lubang jauh daripada injap, ia tidak mendatangkan masalah," katanya.

Menurutnya, dia tidak risaukan kos perjalanan selain makan minum sepanjang di IJN kerana mereka memiliki sedikit wang belanja.

"Saya bekerja kampung dengan pendapatan tidak menentu, itulah yang merisaukan kami. Saya memang tak mampu nak menampung baki kos itu apatah lagi pembedahan hanya tinggal beberapa hari.

"Raidahatul Aisyah mungkin nampak sihat di mata orang lain namun sebenarnya, dia tidak boleh terlalu aktif dan jika demam, nafasnya agak kuat berbanding kebiasaan," katanya.



TAJUK : PENSYARAH KOLEJ WANITA ANTARA TIGA DITAHAN

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 20 SEPT 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## TUNTUTAN PALSU RM6,000

### Pensyarah kolej wanita antara tiga ditahan

**Kuala Lumpur:** Tiga individu termasuk pensyarah wanita sebuah kolej ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Perak kelmarin, selepas disyaki terbabit tuntutan palsu berjumlah RM6,000.

Sumber berkata, ketiga-tiga suspek berusia 30-an ditahan ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Kuala Lumpur, Melaka dan Perak antara jam 3 hingga 6 petang.

“Suspek lelaki yang turut berkhidmat di kolej sama dengan pensyarah wanita terbabit dipercayai berpakat dengan seorang pembekal membuat tuntutan palsu untuk membekalkan peralatan mengajar pada 2021.

“Mereka disyaki mem-

buat tuntutan bernilai kira-kira RM6,000 sedangkan pembekalan itu tidak pernah dilaksanakan,” katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Perak, Ahmad Sabri Mohamed ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu.

Bagaimanapun, katanya, semua suspek dilepaskan dengan jaminan SPRM selepas keterangan direkod-

kan.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Katanya, SPRM Perak akan meningkatkan pemantauan terhadap perolehan kerajaan bagi memastikan tidak berlaku penyelewengan dan ketirisan kepada dana awam di negeri berkenaan.

“  
**Suspek membuat tuntutan palsu membekalkan peralatan mengajar pada 2021**

Sumber



TAJUK : POLIS SIASAT EBIT LEW

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 20 SEPT 2023

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



**EBIT Lew**

## SUSULAN LAPORAN POLIS OLEH SEORANG WANITA

# Polis siasat Ebit Lew

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor  
[hafidzul@hmetro.com.my](mailto:hafidzul@hmetro.com.my)

**Kuala Lumpur**

Polis sudah memulakan siasatan terhadap pendakwah bebas, Ebit Irawan Ibrahim Lew atau Ebit Lew berhubung laporan polis yang dibuat seorang wanita, baru-baru ini.

Pengesahan itu dibuat Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Bukit Aman, Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan.

Beliau bagaimanapun tidak memperinci atau mendedahkan butiran kesalasan yang dilakukan.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Superintendan Mohd Fairus Jaafar turut mengesahkan menerima laporan daripada Ebit Lew yang mendakwa dia difitnah dalam sebuah video tular di media sosial, kelmarin.

Beliau berkata, laporan itu diterimanya daripada Ebit Lew jam 2.17 pagi.

"Mangsa mendakwa dia difitnah oleh individu yang bernama 'Mondy' dalam video berdurasi 27 minit 56 saat yang dimuat naik di media sosial Jumaat lalu.

"Hasil siasatan mendapati, video berkenaan memaparkan wawancara yang dikatakan memfitnah individu terkenal itu dan kini mendapat 225,177 jumlah tontonan, 2,600 tanda suka dan 2,800 komen," katanya dalam kenyataan, kelmarin.

Mohd Fairus berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 500 Kanun Keseksamaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Katanya, orang ramai dinasihatkan supaya tidak membuat sebarang spekulasi berkaitan kejadian video yang tular di media sosial.

Menurutnya, jika didapati terdapat sebarang perlakuan yang menyalahi undang-undang, polis akan mengambil tindakan tegas mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada.

Terdahulu, Ebit Lew dalam hantaran di media sosialnya memaklumkan satu laporan polis dibuat selepas mendakwa dirinya difitnah secara melampau, baru-baru ini.

Ebit yang baru tiba dari Jeddah membuat laporan dan menyerahkan kepada polis untuk siasatan lanjut.

Kes berkenaan juga akan diserahkan kepada peguamnya untuk tindakan undang-undang.

Pada 11 September lalu, media tempatan melaporkan, ibu tunggal, Mondy Tattoo mendedahkan cerita sebenar mengenai bantuan penceramah bebas, Ustaz Ebit di sebuah podcast khas yang dikendalikan oleh Caprice.

Pendedahan terbabit dibuat menerusi hantaran di Instagram dan dimuat naik di laman YouTube.



TAJUK : PONDOK BERDINDING PLASTIK PELINDUNG WANITA LUMPUH

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 20 SEPT 2023

M/SURAT : 24&25

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



MAT Saad dan Zaimah tinggal di pondok dekat rumah anak mereka di Kampung Kebun Pinang, Simpang Empat, Alor Setar.

### Pondok berdinding plastik melindungi wanita lumpuh

**Alor Setar:** Seorang wanita yang lumpuh akibat angin ahmar selain tidak dapat melihat akibat menghidap kencing manis, kini tinggal di sebuah pondok berdinding plastik bersama suaminya sejak setahun lalu.

Pasangan Mat Saad Abu, 54, dan Zaimah Mohd Yusoff, 54, berpindah dari rumah anak kedua mereka yang terletak bersebelahan pondok itu kerana Zaimah tidak boleh berada dalam suasana panas memandangkan kerap diserang sawan.

Mat Saad berkata, mereka mengambil keputusan untuk tinggal di pondok itu kerana ia lebih selesa dan nyaman.

"Sebelum ini kami tinggal di kampung isteri di Kuala Kangsar, Perak dengan kami bekerja sebagai pengawal keselamatan. Is-

**Akibat cuaca terlalu panas, isteri juga beberapa kali diserang sawan, jadi kami ambil keputusan tinggal di pondok ini kerana rasa nyaman dan sejuk"**

**Mat Saad**

teri menghidap kencing manis sejak sekian lama dan dia kemudian terbit kemalangan motosikal menyebabkan kaki kanannya cedera parah.

"Pada 2020, kami diuji apabila isteri terkena serangan angin ahmar menyebabkan dia lumpuh dan tidak mampu berjalan, hanya tangan kanannya masih dapat bergerak.

"Akibat cuaca terlalu pa-

nas, isteri juga beberapa kali diserang sawan, jadi kami ambil keputusan tinggal di pondok ini kerana rasa nyaman dan sejuk, hendak menyewa di rumah yang lebih selesa memang saya tidak mampu," katanya di Kampung Kebun Pinang, Simpang Empat di sini.

Bapa kepada tiga anak itu berkata, dia kini hanya bekerja sebagai buruh dengan pendapatan tidak menentu antara RM40 hingga RM50 sehari.

Katanya, setiap hari dia dijemput majikan untuk pergi dan pulang bekerja kerana tidak memiliki kenderaan.

"Kerja saya bukan setiap bulan ada, ada projek ada kerja, tiga anak saya semuanya perempuan, mereka sangat baik dan selalu membantu kami.

"Bagaimanapun, mereka sudah berkeluarga dan bu-

kannya orang senang, anak perempuan kedua kami selalu datang membantu di rumah termasuk menyiapkan makanan untuk ibunya," katanya.

Menurutnya, Zaimah hanya mampu mengesot selain tidak mampu melakukan apa-apa kerja malah penyakit dihidapi turut menyebabkan dia ada kalanya menjadi pelupa.

"Sejak tinggal di pondok ini, kami memang berasa tenang, tetapi ini saja tempat tinggal yang sesuai untuk kami.

"Pendapatan saya digunakan untuk membeli makanan dan barangan keperluan selain lampin pakai buang isteri," katanya.

Bagaimanapun, Mat Saad tidak menduga pertemuan dengan rakan lamanya tiga hari lalu menyebabkan kisah hidup mereka tular di media sosial seterusnya mendapat

pelbagai bantuan daripada pelbagai pihak.

Katanya, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZKN) turut difahamkan akan membantu menyewakan sebuah rumah di Kampung Terong untuk mereka tinggal.


Katanya Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta wakil rakyat turut memberikan bantuan lain termasuk kewangan.

"Alhamdulillah ada beberapa pihak datang melawat kami sejak kisah kami tular, Insya-Allah semua urusan kami ini dipermudahkan. Terima kasih tidak terhingga kepada semua pihak yang membantu serta mendoakan kami.

"Buat masa ini, jika ada yang bermurah hati, saya perlu motosikal untuk memudahkan aktiviti harian selain membawa isteri ke klinik," katanya.



KEADAAN pondok yang menjadi tempat tinggal Mat Saad dan isteri, Zaimah.



TAJUK : WANITA TABAH 2 KALI LAAN BARAH BERBEZA

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 20 SEPT 2023

M/SURAT : 25

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



ZURAINI (kanan) memberi kata semangat kepada Merdawati yang buntu mencari sumber kewangan.

## Wanita tabah 2 kali lawan barah berbeza

**Langkawi:** Sejak 2019, Merdawati Md Radzi, 45, cukup bersemangat melawan barah payudara dihidapinya namun tahun lalu, dia sekali lagi diuji apabila disahkan menghidap barah tiroid pula.

Sepanjang tempoh berkenaan, hasil rawatan dijalani, barah payudaranya semakin pulih.

Menurutnya, dia dikesan menghidap barah payu dara pada 2019 sebelum menjalani pembedahan seperti disarankan doktor.

"Saya ambil keputusan untuk membuang bahagian payudara kiri melalui pem-

bedahan seperti disarankan oleh doktor pada 2020.

"Ketika menjalani ujian imbasan tomografi berkomputer (CT Scan), doktor mendapati ada ketulan di bahagian leher, namun saya tidak rasa apa-apa pun.

"Kerana itulah, apabila doktor minta buat pembedahan tetapi saya tak mahu kerana ia tidak sakit. Ketika itu, saya belum disahkan menghidap barah tiroid lagi," katanya.

Merdawati berkata, akhirnya, doktor mengesahkan dia menghidap barah tiroid tahun lalu sebelum menjalani pembedahan mem-

buang barah terbabit pada Februari lalu.

"Sekarang, saya masih dalam rawatan untuk barah tiroid selain rawatan pemantauan untuk barah payudara.

"Saya reda dengan apa yang berlaku. Walaupun beransur sembuh daripada barah payu dara, kini berdepan pula barah tiroid.

"Sebelum ini, saya ada membantu suami menghasilkan kuih untuk berniaga di kedai selain menyiapkan kek ditempah pelanggan. Namun kini tidak lagi kerana kedua-dua belah tangan saya kerap kebas," ka-

tanya.

Katanya, setiap kali ke Hospital Pulau Pinang untuk rawatan, dia memerlukan RM400 membabitkan kos bagi tambang feri, sewa kereta, petrol, tol dan makan minum.

Orang ramai yang ingin membantu boleh menyalurkan sumbangan di akaun CIMB 02130008468528 atas nama Merdawati Md Radzi.

Sementara itu, Pengerusi Cancer Survivors Malaysia (CSM) Zuraini Kamal, menghulurkan sumbangan wang serta barangan keperluan dapur untuk kegunaan harian Merduwati.



TAJUK :	'NEW CHILD DEVELOPMENT DEPT WILL BE STANDALONE AGENCY BY 2026'		
HARI :	RABU	AKHBAR :	NEW STRAITS TIMES
TARIKH :	20 SEPT 2023	M/SURAT :	04
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

# 'New Child Development Dept will be standalone agency by 2026'

**KUALA LUMPUR:** The Women, Family and Community Development Ministry has established the Child Development Department (JPKK).

Its minister, Datuk Seri Nancy Shukri, said that the department, which was mooted under the 2023 Budget in February by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, would be parked under the Social Welfare Department (JKM), replacing the Children's Division.

"The establishment of the department has been approved by the Public Service Department and Finance Ministry, where it would replace the Social Welfare Department Children's Division.

"This went into effect earlier on Sept 1 and the department will


gradually grow independent by 2026, when it will become a standalone agency."

She said that the department was also one of the immediate solutions to overcome issues of child abuse and neglect.

Nancy added that the new department would focus on five key thrusts, namely in prevention, development, protection, rehabilitation and integration in society.

She also said there would be an increase in the number of child protection officers.

"With an increase of 965 personnel as contract staff, it is expected that in 2026, the ratio of protection officers who handle children's cases will come down from 1:108 cases currently, to 1:30 per year." she said.



TAJUK : KPWKM PLANS TO ESTABLISH CHILD, SENIOR CARE TRAINING PROGRAMMES

HARI : RABU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 20 SEPT 2023

M/SURAT : 02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## KPWKM plans to establish child, senior care training programmes

**KUALA LUMPUR:** The Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) plans to establish programmes to provide special training to caretakers of children, the elderly and individuals with special needs.

Minister Datuk Seri Nancy Shukri said the ministry had requested an allocation for the implementation of the programme, which is expected to start next year.

She said that the implementation of the programme was due to the need for individuals who served as guardians to obtain training and have skills appropriate to the requirements of the job.

"We have requested a budget allocation so that we can provide training to those interested in these jobs, and secondly, the industry needs those wanting to look after people who need this help.

"We have many homes for the elderly, children's (shelter) homes and all kinds of things, especially those that are privately run; we want to make sure that our country has people who are skilled in this field," she said in a press conference at the Parliament Building, here yesterday.



Nancy (centre) highlighting a point during the press conference. At left is her deputy Aiman Athirah Sabu. — Bernama photo


Regarding the establishment of the Child Development Department (JPKK), Nancy said with the increase of 965 contract staff working in the department by 2026, the ratio of protection officers will be reduced from one officer handling 108 cases (1:108) to one officer handling 30 cases (1:30).

"The officer's caseload will also be reduced, and they will be able to devote more time to strengthen the case management for children, including elements of intervention, monitoring and evaluation of cases, as well as implementing prevention and advocacy programs regarding the

protection and safety of children.

"Following the increased staffing and competence, it will strengthen community mobilisation efforts, through strategic collaboration with the Child Protection Team (PPKK) and Child Welfare Team (PKKK), as well as protective assistants, in all 105 districts which have been appointed under the Child Act 2001 in providing protection and ensuring the safety of children," she said.

She said the JPKK, which was established with effect from Sept 1, is the best solution in addressing the issue of child neglect and abuse. — Bernama



TAJUK : PETRA JAYA MAN FINED FOR THREATENING TO KILL HIS 71-YEAR-OLD MOTHER

HARI : RABU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 20 SEPT 2023

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

# Petra Jaya man fined for threatening to kill his 71-year-old mother

**KUCHING:** The Magistrates' Court here yesterday fined a 48-year-old man RM5,000 in default five months' jail for committing criminal intimidation by threatening to kill his 71-year-old mother.

Magistrate Zubaidah Sharkawi convicted Mohammad Hanafiah Omar after he pleaded guilty to a charge framed under Section 506 of the Penal Code, which provides for a jail term of up to seven years, or a fine, or both,

upon conviction.

Mohammad Hanafiah committed the offence at a house in RPR Taman Sukma, Jalan Sultan Tengah here around 7pm on July 15, 2023.

Based on the facts of the case, Mohammad Hanafiah scolded his mother and stepfather after she refused to give him any money.

He then attempted to throw a bottle of perfume at his stepfather, but was prevented

from doing so by his mother.

Following that, Mohammad Hanafiah chased his mother and stepfather out of the house warning that he would kill her if she failed to leave that night.

Fearing for her safety, the mother lodged a police report, which led to her son's arrest the next day (July 16).

ASP Rogayah Rosli prosecuted the case while Mohammad Hanafiah was unrepresented by legal counsel.



TAJUK : 'ABANG SUSU' TO THE RESCUE

HARI : RABU

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 20 SEPT 2023

M/SURAT : 12

tone : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# 'Abang Susu' to the rescue

## Famished childhood inspires businessman to give out milk aid

By YEE XIANG YUN  
xiangyun@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** His own experience of starving as a child had motivated a 35-year-old businessman to provide infant formula to less fortunate children, earning him the affectionate nickname "Abang Susu".

Klaus Lim said he dived into charity work when the Covid-19 pandemic started in 2020, where many families faced financial difficulties – especially those in the B40 group who depended on daily wages to feed their children.

"Some were so desperate that they fed their young kids with sugar water. I also came across a family that gave their children condensed milk in small portions where the can was already mouldy and infested with ants.

"The sight of the struggling families

reminded me of my own experience growing up where I skipped meals as I did not want to burden my parents who were facing financial constraints.

"I told myself, I want to help the less fortunate once I have the money.

"The time came during the first movement control order when people were told to stay at home," he said when interviewed.

Lau was assisted by a team of about 20 staff members and volunteers. They handed out aid such as milk formula and diapers to the needy of all races in his hometown Batu Pahat.

"As I am often seen carrying bags of milk formula with me, the children and their parents started calling me Abang Susu," he said with a smile, adding that more than 10,000 packs of milk formula had been handed out to those in need so far.

Lim, who does the charity work with his 38-year-old brother, said their efforts had since expanded to cover flood victims in Johor, Selangor and Terengganu.

They also helped poor families with utility bills, those suffering from chronic diseases as well as a recent incident of a woman whose husband had threatened to "sell" her baby after she gave birth.

"The woman was working in Kuala Lumpur and sought shelter at a friend's house in Johor after being threatened by her husband.

"We found her a safe place to stay and raised funds to help her with her hospital bills until she gave birth to a healthy baby," he said.

Lim has formed a non-governmental organisation called Pertubuhan Kebajikan Sinar Harapan Batu Pahat in hopes of reaching out to more people.



**Noble deed:** Lim has been providing milk formula to needy families since 2020 when the Covid-19 pandemic started.



TAJUK :	WOMAN BEATEN BY BOYFRIEND OVER ABORTION 'FAILURE'		
HARI :	RABU	AKHBAR :	THE STAR
TARIKH :	20 SEPT 2023	M/SURAT :	15
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

## Woman beaten by boyfriend over abortion 'failure'

FOR "failing" to abort her two-month-old pregnancy, a young woman was beaten up by her boyfriend until she passed out, reported *Kosmo!*.

The horrific episode faced by the 22-year-old woman began when the suspect found out last month that she was pregnant.

The woman said her boyfriend came to meet her at her rented

house at 12.30pm on Sept 1 to ask her to get an abortion.

"I explained that I had done what I was told, including swallowing the abortifacient pill that was given to me, but all these efforts were to no avail.

"He was not satisfied with the explanation and hit my back and my arm until I passed out.


"I only woke up the next morn-

ing. I found a bruise on my arm, and I couldn't even get up because of the pain. So I asked a friend to send me to hospital," she told the daily.

She said her boyfriend also punched her in the stomach and that the suspect, a 22-year-old man, would often beat her, including if she refused to have sex with him.

The woman, who filed a police report on Sept 4, plans to continue the pregnancy despite being traumatised but is worried that he would find her if he is not arrested.

Kuantan OCPD Asst Comm Wan Mohd Zahari Wan Busu said the case is being investigated according to Section 323 of the Penal Code.



TAJUK :	KES EBIT LEW: POLIS AKAN PANGGIL CAPRICE, WANITA INDONESIA BANTU SIASATAN		
HARI :	RABU	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	20 SEPT 2023	M/SURAT :	13
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

## Kes Ebit Lew: Polis akan panggil Caprice, wanita Indonesia bantu siasatan

**SHAH ALAM:** Polis akan memanggil penyanyi rap Caprice dan seorang wanita Indonesia dalam masa terdekat bagi membantu siasatan susulan laporan yang dibuat pendakwah terkenal Ebit Irawan Ibrahim Lew atau Ebit Lew.

Timbalan Ketua Polis Selangor Datuk S. Sasikala Devi berkata tindakan itu akan dilakukan pihaknya setelah menerima arahan lanjut (OTI) bagi menyiasat kes berkenaan, semalam.

Sasikala berkata polis setakat ini hanya menerima satu laporan yang dibuat Ebit di Balai Polis USJ 8, Subang

Jaya kelmarin.

“Untuk (keterangan) Ebit Lew, kami sudah rakam percakapan beliau. Untuk (Caprice dan wanita Indonesia itu) kami mesti (dapatkan) sebab (mereka) saksi berkaitan kes, kita perlu rakam percakapannya.


“Kita akan lengkapkan siasatan berkenaan kes ini untuk dirujuk kepada pihak Timbalan Pendakwa Raya bagi tindakan seterusnya,” katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor semalam.

Sasikala berkata kes berkenaan disiasat di bawah Seksyen

500 Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998.

Media kelmarin melaporkan bahawa polis menerima laporan daripada Ebit yang mendakwa dirinya difitnah dalam sebuah video tular menerusi media sosial yang bertajuk “The Mondy Tattoo Interview”.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Daerah Subang Jaya Supt Mohd Fairus Jaafar berkata beliau mengesahkan laporan yang diterimanya daripada seorang lelaki tempatan berusia 38 tahun pada 2.17 pagi. — Bernama



TAJUK : KPWKM RANCANG WUJUD PROGRAM LATIHAN PENJAGA KANAK-KANAK, WARGA EMAS

HARI : RABU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 20 SEPT 2023

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## KPWKM rancang wujud program latihan penjaga kanak-kanak, warga emas

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) merancang mewujudkan program bagi menyediakan latihan khusus kepada penjaga kanak-kanak, warga emas dan golongan berkeperluan khas.

Menteri berkenaan Datuk Seri Nancy Shukri berkata KPWKM telah meminta peruntukan bagi pelaksanaan program yang dijangka bermula tahun hadapan itu.

Beliau berkata program berkenaan dilaksanakan memandangkan terdapat keperluan bagi individu yang berkhidmat sebagai penjaga untuk mendapatkan latihan dan mempunyai kemahiran bersesuaian dengan kehendak pekerjaan.

“Sekarang ini kita dah minta peruntukan... supaya kita dapat beri latihan kepada mereka yang mahukan pekerjaan seperti ini dan kedua ialah industri memerlukan mereka yang nak menjaga orang yang memerlukan bantuan ini.

“Kita ada banyak rumah orang tua, rumah (perlindungan/penjagaan) kanak-kanak dan macam-macam terutama yang dikendalikan pihak swasta, kita nak pastikan negara kita mempunyai orang yang mahir dalam bidang ini,” katanya pada sidang media di Bangunan Parlimen di sini semalam.

Mengenai penubuhan Jaba-

tan Pembangunan Kanak-kanak (JPKK), Nancy berkata menerusi pertambahan 965 perjawatan kontrak yang bertugas di jabatan itu pada 2026, akan menurunkan nisbah Pelindung dan Pegawai Akhlak daripada satu pegawai mengendalikan 108 kes (1:108) kepada seorang pegawai mengendalikan 30 kes kanak-kanak (1:30) setahun.

“Dengan itu, beban kes pegawai akan dapat dikurangkan dan pegawai akan dapat menumpukan masa bagi memantapkan lagi penguurusan kes terhadap kanak-kanak termasuklah elemen intervensi, pemantauan dan penilaian kes serta melaksanakan program pencegahan dan advokasi mengenai perlindungan dan keselamatan kanak-kanak.

“Dengan pertambahan perjawatan dan peningkatan kompetensi, pegawai kes akan dapat memperkasakan lagi usaha menggerakkan komuniti melalui kolaboratif strategik dengan Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak (PPKK) dan Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak (PKKK) serta pembantu pelindung di semua 105 daerah yang telah dilantik di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 dalam memberi perlindungan dan memastikan keselamatan kanak-kanak terjamin,” katanya.


Beliau berkata JPKK yang ditubuhkan berkuat kuasa 1

Sept lepas bagi menggantikan Bahagian Kanak-Kanak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), diumumkan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa pembentangan Belanjawan 2023 pada Februari lepas dan merupakan penyelesaian terbaik dalam menangani segera isu pengabaian dan penderaan kanak-kanak.

Nancy berkata penubuhan JPKK juga dapat menjamin perkhidmatan berkualiti kepada rakyat khususnya kanak-kanak berlandaskan kepada lima teras utama iaitu pencegahan, pembangunan, perlindungan, pemulihan dan pengintegrasian ke dalam masyarakat.

“KPWKM berharap dengan tertubuhnya JPKK, (ia) akan dapat menangani isu perlindungan dan kebajikan kanak-kanak dengan lebih cepat, cekap dan proaktif serta kementerian akan mengerakkan PPKK, PKKK dan Pembantu Pelindung untuk membantu melaksanakan program pencegahan dan advokasi kepada masyarakat setempat.

“Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) di bawah kendalian PPKK akan diperkasa dan menjadi hub perkhidmatan kanak-kanak dengan kanak-kanak boleh mendapat bantuan dan pertolongan di PAKK tersebut,” katanya. — Bernama



TAJUK : UGUT BUNUH IBU GARA-GARA TIDAK DIBERI WANG, LELAKI DIDENDA RM5,000

HARI : RABU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 20 SEPT 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

# Ugut bunuh ibu gara-gara tidak diberi wang, lelaki didenda RM5,000

**KUCHING:** Seorang lelaki didenda RM5,000 atau penjara lima bulan kerana melakukan ugutan jenayah dengan mengugut hendak membunuh ibunya yang berusia 71 tahun pada Julai lalu.

Majistret Zubaidah Sharkawi menjatuhkan hukuman tersebut terhadap Mohammad Hanafiah Omar, 48, selepas dia mengaku bersalah sebaik didakwa mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara sehingga tujuh tahun

atau denda, atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa melakukan kesalahan terbabit di sebuah rumah di RPR Taman Sukma, Jalan Sultan Tengah di sini sekitar jam 7 malam pada 15 Julai 2023.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh memarahi ibunya (pengadu) dan suami selepas pengadu enggan memberikan sebarang wang kepadanya.

Tertuduh kemudian cuba membaling sebotol minyak wangi kepada suami pengadu tetapi dihalang oleh

pengadu.

Susulan itu, tertuduh memaksa pengadu dan suaminya keluar dari rumah sambil memberi amaran jika pengadu tidak keluar rumah pada malam itu, tertuduh akan membunuhnya.

Bimbang akan keselamatannya, pengadu membuat laporan polis yang membawa kepada penangkapan tertuduh pada keesokan harinya (16 Julai).

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa ASP Rogayah Rosli sementara tertuduh tidak diwakili peguam.